



# LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA

## SURAT PEKELILING 2/98

### **Pengesahan Pengalaman Mengikut Kaedah**

### **Juruukur Bahan 1973 dan Pindaan 1995**


Tuan/Puan,

1. Kebelakangan ini, terdapat banyak pengesahan pengalaman yang diperlukan untuk pendaftaran mengikut bahagian 10(1)(b) Akta Juruukur Bahan dan Kaedah 24 ini telah dibuat sewenang-wenangnya oleh Juruukur Bahan Berdaftar.
2. Berkuatkuasa dengan tarikh Pekeliling ini, Juruukur Bahan Berdaftar tidak dibenarkan mengesahkan pengalaman Juruukur Bahan Berdaftar Sementara sekiranya Juruukur Bahan Sementara berkenaan tidak bekerja dibawahnya kecuali kelulusan Lembaga telah diperolehi pada peringkat Juruukur Bahan Berdaftar Sementara mula diambil bekerja. Surat pengesahan tersebut hendaklah menyatakan tarikh Juruukur Bahan Berdaftar Sementara mula bekerja dengan bukti yang sah dan hendaklah mengandungi perkataan " Saya mengesahkan bahawa En. \_\_\_\_\_ (No.K.P.\_\_\_\_\_) telah berkhidmat dengan memuaskan dalam firma saya selama dua tahun dibawah pengawasan En. \_\_\_\_\_, seorang Juruukur Bahan Berdaftar dengan Nombor pendaftaran \_\_\_\_\_. En. \_\_\_\_\_ berkhidmat di firma saya dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_." atau yang memberi maksud sedemikian.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,



Mohamed bin Gading  
Yang Di Pertua  
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

Tarikh: 9.6.1998